




**GARIS PANDUAN
DARIPADA TESIS
KEPADA BUKU**




inovasi • entrepreneurial • global www.utm.my



PENGENALAN

- Dalam dunia akademik, pelajar siswazah dikehendaki menulis disertasi atau tesis.
- Istilah disertasi digunakan dalam akademik Amerika Syarikat merujuk kepada bentuk fizikal "Karya tradisi ilmiah" yang disediakan oleh pelajar siswazah.
- Dalam tradisi akademik Inggeris sezaman, tesis dan disertasi saling digunakan.


inovasi • entrepreneurial • global www.utm.my



PENGENALAN

- Dari segi penerbitan, sesebuah tesis yang menarik dan sesuai untuk diterbitkan, boleh diterbitkan dalam bentuk buku atau monograf.
- **Monograf** ialah satu karya kajian ilmiah yang khusus untuk satu bidang atau subjek, ditulis dengan mendalam oleh pengarang tunggal.
- **Buku** ialah sebuah terbitan yang mempunyai bidang ilmu yang diperluas dan tidak sama sekali sempit seperti sesebuah monograf.

inovasi • entrepreneurial • global www.utm.my

 **PENGENALAN**


Dua kemungkinan dalam menimbangkan sesebuah disertasi yang hendak diterbitkan, iaitu :

1. Menerbitkan disertasi sebagai sebuah **buku**. Oleh itu, ufuk tesis perlu **dikembangkan**, diberikan **suntingan** yang sesuai sebagai sebuah buku bersesuaian dengan sasaran pembaca.
2. Kedua, menerbitkan disertasi sebagai **monograf** dengan **mengekalkan** sifat bidang yang khusus, terperinci dan sempit, tidak diluaskan ufuknya dengan diberikan **suntingan yang minimum** sesuai dengan sasaran pembaca.
3. Pertimbangan tambahan:
 - Disertasi yang hendak diterbitkan mesti disesuaikan dengan sasaran pembaca.
 - Persoalan kajian atau tesis yang terdapat di dalamnya hendaklah sesuatu yang memberikan jawapan kepada pembacanya.

Inovatif • Entrepreneurial • Global www.utm.my

 **TESIS**


Inovatif • Entrepreneurial • Global www.utm.my

 **TESIS**

- Sesebuah tesis yang baik boleh dipertimbangkan untuk penerbitan.
- Ciri unik yang ada pada sesebuah tesis dikenal pasti bagi tujuan tindakan **menyunting** dan **meminda tesis** supaya dapat diterbitkan bersesuaian dengan sasaran pembaca.
- Sesebuah tesis dibina mengikut struktur tertentu yang ditetapkan oleh sesebuah institusi atau universiti.
- Walau bagaimanapun, struktur asasnya adalah seperti yang berikut :

1. Judul.	8. Pengenalan.
2. Pengakuan.	9. Ulasan kepustakaan.
3. Penghargaan.	10. Kaedah Kajian.
4. Abstrak.	11. Data dan bahan.
5. Senarai Kandungan.	12. Analisis.
6. Senarai jadual, ilustrasi, peta.	13. Perbincangan.
7. Senarai simbol, singkatan, tatanama, istilah, kes perundangan, status.	14. Kesimpulan.
	15. Rujukan atau bibliografi.
	16. Lampiran.


Inovatif • Entrepreneurial • Global www.utm.my

 **UTM**

TESIS

- Bab keterangan kandungan tesis - struktur tesis yang menerangkan kandungan bab demi bab.
- Bab ini perlu dalam sesebuah disertasi, tidak untuk sebuah buku. Bab ini boleh **dibuang** atau diringkaskan. Juga boleh dipindahkan ke bahagian prakata.
- Bab ulasan kepustakaan wajib dibina dalam sesebuah tesis. Pelajar perlu membaca dan mengupas perkembangan idea, pandangan, pemikiran, teori, dan sebagainya tentang bidang kajian beliau.
- Sebagai sebuah buku dan monograf, pembaca **tidak perlu** diberikan maklumat terperinci seperti itu.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

TESIS

- Mungkin juga bab ini **ditiadakan** langsung atau **diringkaskan** dalam bab pengenalan bersama dengan keterangan kajian, hipotesis, dan keterangan ringkas tentang kandungan buku.
- **Tesis** mengandungi **senarai sumber rujukan yang panjang** kerana pelajar perlu membuktikan dia telah membaca dan merujuk semua korpus dalam bidang kajian yang dilakukannya.
- Sesebuah tesis mesti tunjuk bahawa pelajar telah merujuk sumber tertentu apabila dia memetik sesuatu data, maklumat, pandangan, teori, dan sebagainya.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

TESIS

- Tesis ialah karya yang diperiksa oleh satu kumpulan kecil pakar (sekitar dua atau tiga orang).
- Tesis **bukan ditulis** untuk **sasaran pembaca** yang lebih **besar**.
- **Ciri ini membezakan tesis dengan buku** dan perlu diberikan perhatian semasa memindahkan tesis kepada buku atau monograf.
- Dokumentasi yang banyak dalam bentuk rujukan catatan kaki dan catatan hujung yang panjang cuma sesuai untuk tesis.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

TESIS

- Bila dijadikan buku, dokumentasi dalam bentuk rujukan dan catatan yang berjela-jela perlu **dikurangkan**.
- Oleh kerana tesis ditulis menurut kerangka yang ketat, pelajar terpaksa membuat kenyataan yang jika diterbitkan akan membantutkan pembaca.
- Maklumat itu menyatakan kekangan pelajar dalam membuat kajian.
- Bila diterbitkan sebagai buku atau monograf, teks bahagian ini hendaklah **dibuang**.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

TESIS

- Bila diubah jadi buku, perlu **kurangkan penomboran**.
- Kesan trumpet: dalam tesis kerap diletakkan ayat penanda. Contoh yang jelas ialah:
This chapter will deal with the first period of the Cordovan Caliphate. The second period will be dealt with in the following chapter...
- Bentuk teks begini **tidak memberi** pembaca kesinambungan dalam menghayati pemikiran karya tersebut.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

TESIS

Bentuk memohon maaf. Bentuk ini diajukan kepada pemeriksa untuk menyatakan had kajian. Bagi sasaran pembaca umum, perkara ini **tidak penting**. Lihat contoh:

“Although I do not feel that I have covered the ground that should have been covered, because of the paucity of sources, an attempt has been made...”


“Instead of offering a long apology for choosing this topic, I should like at the outset to delimit the subject of this book... I shall not predict the future nor shall I talk about crucial problem of the relationship between... I have ignore the important question...”

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my



BUKU


inovasi • entrepreneurial • global www.utm.my



BUKU

- Penerbitan buku sangat penting dalam bidang pendidikan dan kehidupan budaya masyarakat.
- Buku yang dikenali hari ini ialah hasil daripada rekaan percetakan taip boleh alih (movable type).
- China mencipta teknologi ini pada tahun 1000 Masihi, dan Korea pada tahun 1300-an.
- Buku pertama yang dicetak di Eropah oleh taip boleh alih adalah di Mainz, Jerman antara tahun 1453 hingga 1456, hasil rekaan percetakan oleh Johannes Gutenberg dan rakan-rakannya.


inovasi • entrepreneurial • global www.utm.my



BUKU

- Penerbitan buku boleh dibahagikan kepada tiga bidang – berasaskan jenis khusus buku, iaitu:
 - buku dagang,
 - buku pendidikan, dan
 - buku rujukan.

inovasi • entrepreneurial • global www.utm.my


 **UTM**

BUKU

Di bawah ini dinyatakan ciri, fungsi, dan kategori buku secara ringkas :

1. Buku ialah bahan bercetak yang mengandungi **49 halaman** atau lebih tentang sesuatu subjek yang ditulis oleh **seorang** penulis atau **lebih**.
2. Buku merupakan **medium** komunikasi idea antara penulis dengan pembaca umum.
3. Buku ditujukan untuk pelbagai peringkat pembaca sasaran yang mempunyai **latar belakang** yang berbeza.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

BUKU

4. Buku tidak mempunyai format yang khusus.
5. Kandungan buku mengandungi maklumat, pengetahuan, pandangan atau saranan.
6. Buku ditulis dalam pelbagai kategori (umum, **ilmiah**, kreatif, fiksi dan sebagainya) untuk pelbagai peringkat pembaca.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**


KRITERIA PEMILIHAN

Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka menumpu kepada buku bersifat komersial serta memenuhi tanggungjawab sosial. Selain itu, penerbitan DBP juga memberikan tumpuan kepada kepentingan ilmu.

Buku bersifat komersial merupakan buku yang mempunyai pasaran luas. Contoh ialah buku yang:

1. Berbentuk Malaysia dalam pelbagai bidang ilmu.
2. Menyentuh isu semasa.
3. Berbentuk kontemporari yang boleh digunakan sebagai bahan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.
4. Merangsang minda pembaca.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my


 **UTM**

KRITERIA PEMILIHAN

Buku yang tidak bersifat komersial boleh juga diterbitkan untuk memenuhi tanggungjawab social. Antaranya:

1. Buku pengukuhan bahasa.
2. Buku **bidang khusus**, tapi diperlukan sebagai rujukan dan pendokumentasian budaya dan sastera.
3. Penulisan yang berupa **penemuan** sesuatu perkara yang **baru**, istimewa, dan belum pernah diterbitkan. Contohnya, penemuan sejarah, sains atau isu yang bersifat sejagat.
4. Penulisan tentang tokoh yang berwibawa dan telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang ilmu dan pembinaan tamadun bangsa.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my


 **UTM**

KRITERIA PEMILIHAN

Tesis yang boleh dipertimbangkan untuk diterbitkan dalam bentuk buku atau monograf ialah:

1. Tesis sarjana atau kedoktoran yang telah lulus, tesis yang mendapat kelulusan cemerlang dan dicadangkan oleh pemeriksa supaya diterbitkan.
2. Dari segi kandungan, tesis yang mengandungi persoalan kajian Malaysia dan persoalan kajian sejagat diberikan keutamaan.
3. Kandungan karya tesis itu adalah sesuatu yang baru dan asli yang belum pernah diterbitkan.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

KRITERIA PEMILIHAN

4. Persoalan kajian tesis boleh diperluaskan skop dan ufuk agar menarik pembaca yang lebih ramai. Ini bermakna subjek buku yang akan diterbitkan tidak sempit, malah diperluaskan.
5. Tesis boleh dipertimbangkan untuk terbitan tetapi perlu **melalui satu proses pemindahan**.
6. Tesis yang mudah diubah suai dari segi format, kandungan persembahan, dan bahasa.
7. Tesis yang menggunakan bahasa yang baik dan gramatis.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my


 **UTM**

KAEDAH PEMINDAHAN

Beberapa perkara asas perlu semasa melakukan pemindahan tesis kepada buku. Karya ilmiah guna **dua** strategi naratif asas, pertama, perkembangan **kronologi**; kedua, perkembangan **tema**. Kaedah pemindahan tesis kepada buku ialah:

1. Kunci kaedah pemindahan yang penting ialah penyuntingan, khasnya penyuntingan naskhah yang berat dan komitmen yang tinggi. Editor perlu **menyusun semula bab, perenggan dan ayat**, atau susunan penghujahan. Elok juga dipulangkan kepada pengarang untuk buat agar tidak lari maksud awal.
2. Kaedah pemindahan juga melibatkan **pembuangan bahan** yang tidak perlu bagi buku, sesuai dengan sasaran pembaca.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

KAEDAH PEMINDAHAN

3. Atau, boleh dianggap menyusun semula bahan. **Memindahkan** bahan dari satu tempat/bahagian ke tempat/bahagian lain dikenali sebagai **kitar semula**.
4. Memendekkan karya; ada bab/bahagian dibuang, ada bab/bahagian yang kerap diringkaskan. **Kurangkan contoh** yang kerap berlebihan dalam tesis.
5. **Mempermudah** bahasa, istilah, dan ayat. Rukun penulisan yang baik ialah **bahasa yang mudah difahami**. Istilah khusus bidang ilmu hendaklah ditakrif dan dijelaskan, kerana sasaran pembaca buku bukan semestinya sarjana dalam bidang sama. Orang awam mungkin membaca buku itu kelak. Untuk memudahkan kefahaman pembaca, **jargon hendaklah dikurangkan**.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **UTM**

PROSES PENGUBAHSUAIAN

- Tesis bertujuan menunjukkan keupayaan pengarang merumuskan persoalan dan masalah, menjalankan kajian untuk selesaikannya, dan menulis hasil kajian.
- Tujuan buku adalah pula ialah untuk **sampaikan atau salurkan idea kepada pembaca**.
- Tesis memenuhi keperluan akademik; buku memenuhi keperluan berbicara secara umum.
- Khalayak tesis lebih kecil terdiri daripada sesebuah jawatankuasa; khalayak buku menjangkau ribuan pembaca yang tidak dikenali oleh pengarang.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my



PROSES PENGUBAHSUAIAN

- Secara ringkas, perbezaan antara tesis dengan buku adalah dari segi:
 - tujuan,
 - khalayak,
 - pengarang,
 - skop,
 - nada suara dan gaya,
 - dokumentasi.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my



PROSES PENGUBAHSUAIAN

- Walau tesis berbeza dari buku dan banyak faktor menghalang tesis menjadi buku, namun sesetengah tesis dapat mengatasi halangan ini, dan berpotensi menjadi buku yang baik.
- Proses ubahsuai tesis ke buku mempunyai beberapa tahap sederhana.
- Paling penting ialah pengubahan dari satu jenis manuskrip yang belum terbit ke bentuk lain, iaitu dari tesis yang belum terbit kepada manuskrip buku yang belum terbit.
- Kedua2 mempunyai pengarang sama, mengandungi kebanyakan perkataan dan idea sama, dan kedua2 belum diterbitkan.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my



PROSES PENGUBAHSUAIAN

- Proses ubahsuai dari tesis ke buku perlu mematuhi bahagian anatomi buku, iaitu mengandungi (i) bahan **awalan**, (ii) bahan **teks**, dan (iii) bahan **akhiran** serta termasuk judul kulit dan blurb.
- Judul tesis biasanya agak panjang dan bersifat kajian, manakala judul buku pula biasanya menarik, tepat, jelas, ringkas dan padat.
- Blurb mengandungi perkara-perkara berikut:


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**

BLURB

- Keterangan ringkas penerbit tentang isi buku pada jaket bagi buku kulit keras atau pada kulit belakang buku kulit lembut.
- Keterangan ini boleh ada intipati buku, keistimewaan buku, biodata ringkas penulis seperti kelulusan tertinggi, pengalaman/hasil penulisan yang sudah diterbitkan dan kejayaan penulis (anugerah).
- Selain itu, boleh masukkan petikan kata-kata tokoh/pengulas tentang buku sebagai sokongan untuk tujuan promosi dan fotograf penulis (jika perlu). Bagi buku bersiri, boleh dimasukkan senarai judul dalam siri tersebut.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my


 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**

Proses pengubahsuaian dari tesis ke buku adalah:

BAHAGIAN AWALAN


- Halaman Judul Separa
Disediakan oleh penerbit dengan persetujuan penulis.
- Halaman Ilustrasi Muka
Disediakan oleh penulis.
- Halaman Judul Penuh
Disediakan oleh penerbit dengan persetujuan penulis.
- Halaman Hak Cipta
Disediakan oleh penerbit.
- Halaman Dedikasi
Disediakan oleh penerbit.
- Halaman Penaja
Disediakan oleh penerbit.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**

- Halaman Senarai Kandungan
Diolah ikut kategori, jenis dan peringkat pembaca.
Disediakan oleh penulis.
- Halaman Kata Pengantar
Teks *disediakan oleh tokoh* dipilih penerbit/penulis.
(Jika Perlu) ⇒ optional
- Halaman Abstrak
Tiada halaman abstrak dalam buku. Boleh serap dalam halaman **Prakata** atau **Blurb**.
- Halaman Prakata *disediakan oleh penulis.*
Halaman ini membincangkan tiga perkara :
 - ✓ Tujuan buku ditulis.
 - ✓ Skop kandungan buku.
 - ✓ Sejarah penulisan buku berkenaan.


inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**

- Halaman Penghargaan

Disediakan oleh penulis atau penerbit kepada individu, institusi, penerbit, dan semua pihak yang menaja dan terlibat dalam penghasilan karya. Jika ringkas, bahagian penghargaan kepada semua pihak boleh dimasukkan ke dalam Prakata. Jika panjang, boleh ditulis dalam halaman Penghargaan berasingan.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**


BAHAGIAN TEKS

Bahagian ini terdiri daripada pengenalan, isi, dan penutup.

Pengenalan

Bab pengenalan dalam buku memuatkan maklumat tentang bagaimana penulis mempersembahkan kandungan buku berkenaan. Bab ini membentangkan kandungan buku berkenaan. Bab ini membentangkan latar belakang kajian, mungkin juga anekdot/cerita yang membawa penulis tergerak atau membuat keputusan untuk mengkaji persoalan kajian atau membentuk hipotesis kajian.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**


Oleh itu dalam bab Pengenalan juga dimasukkan kerangka kajian, kaedah, dan kesimpulan kajian. Antara perkara yang ada dalam bab ini ialah:

- Bahagian buku (secara ringkas)
- Kaedah kajian
- Pemerolehan bahan dan metodologi
- Ulasan kepustakaan

Sekiranya maklumat ini ditulis dalam halaman Pengenalan, maka halaman Prakata hanya mengandungi maklumat ringkas tentang:

- Mengapa tesis ini ditulis dan mengapa dijadikan buku?
- Untuk siapa buku ini ditulis?
- Keistimewaan buku.
- Harapan penulis

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my


 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**

Isi

Bab-bab isi disusun mengikut kaedah kronologi, urutan, sebab dan akibat, serta logik. Secara ringkas, perkara "isi" yang boleh diberikan perhatian:


- Panjang bab: Bab perlu **seimbang** dari segi ketebalan kerana dengan sendirinya menggambarkan perbahasan yang seimbang.
- Keseimbangan bab: Mungkin berlaku proses pemendekan sesetengah bab atau pengembangan bab yang lain. Pemendekan bab mungkin dengan mengurangkan contoh atau mempermudah jadual yang kompleks, manakala pengembangan bab adalah dengan cara memasukkan sesuatu isu, data dan maklumat baru yang mungkin asalnya tidak terdapat dalam tesis.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**

- Jalinan Bab: Disertasi mempunyai tesis induk, oleh itu, setiap bab mungkin mempunyai "subtesis" dan ini memerlukan jalinan atau pertautan bab demi bab bagi membentuk tesis induk yang mantap. Atau boleh juga dilihat jalinan bab demi bab yang bertaut.
- Kupasan bab: Pengarang dan editor perlu memerhatikan kupasan sesebuah bab yang bermula dengan satu pengenalan dan berakhir dengan rumusan selari dengan persoalan kajian yang diperkenalkan dalam perenggan pengenalan.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**


Penutup

Bab penutup tesis antaranya mengandungi hasil penemuan kajian, rumusan dan cadangan kajian lanjutan.

Bab penutup buku biasanya mengandungi kesimpulan keseluruhan bab buku – yang hendak disimpulkan mengenai kajian yang dijalankan. Elakkan daripada mengemukakan **cadangan penyelesaian** seperti yang diamalkan dalam tesis.

Kadangkala, bab ini juga boleh **ditiadakan**.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**


BAHAGIAN AKHIRAN

Bahan maklumat di bahagian akhiran adalah seperti berikut:

Bahan akhiran *disediakan oleh penulis* mengikut format gaya penerbitan penerbit berkenaan.

- i. Lampiran
- ii. Glosari
- iii. Rujukan lanjut (jika perlu)
- iv. Bibliografi**
- v. Indeks**


Inovatif • Entrepreneurial • Global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**

Lampiran

- Maklumat tambahan yang penting untuk membantu pembaca memahami teks yang dibaca. Diletakkan di bahagian akhir buku.
- Bergantung pada keperluan dan lampiran tersebut mestilah menyokong teks.
- Sebaiknya bahan lampiran dikurangkan, misalnya "borang soal selidik" tidak perlu dijadikan bahan lampiran dalam buku kerana kaedah penyelidikan telah dijelaskan sebelum ini.
- Jadual dan data yang terperinci hendaklah dipermudah dan dijadikan bahan jadual dalam teks.
- Pastikan bahan lampiran belum diterbitkan. Contohnya, panduan kurikulum pendidikan tidak perlu sebagai bahan lampiran, kerana boleh didapati di perpustakaan.

Inovatif • Entrepreneurial • Global www.utm.my

 **PROSES PENGUBAHSUAIAN**


Glosari

- Perkataan, ungkapan, dan istilah yang terdapat dalam teks dan perlukan huraian lanjut untuk membantu pemahaman pembaca.
- Keperluan bergantung pada jenis buku. **(Tidak wajib)**.
- Disusun mengikut abjad.

Rujukan Lanjut

- Rujukan lanjut digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi sesuatu teks yang berkaitan.
- Disusun mengikut abjad.
- Disediakan mengikut Sistem Penulis – Tarikh.

Inovatif • Entrepreneurial • Global www.utm.my




PROSES PENGUBAHSUAIAN

Bibliografi

- Sekiranya sumber bahan rujukan terdiri daripada pelbagai kategori yang jumlahnya melebihi bahan rujukan, bahan tersebut hendaklah disusun mengikut kategori berkenaan, contohnya buku, majalah, jurnal, akhbar, wawancara, laman web, kertas kerja, dan tesis.
- Senarai bahan yang dirujuk oleh penulis dalam menyediakan buku tersebut.
- Disusun mengikut abjad.
- Disediakan mengikut Sistem Penulis – Tarikh.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my




PROSES PENGUBAHSUAIAN

Indeks

- Indeks ialah senarai perkara dan nama yang dibincangkan dalam buku.
- Terdapat dua jenis indeks, iaitu indeks perkara dan indeks nama.
- Indeks perkara mengandungi perkara berikut:
 - ✓ Senarai kata kecuali nama khas.
 - ✓ Subjek yang dibincangkan.
- Indeks nama boleh mengandungi perkara berikut :
 - ✓ Nama orang.
 - ✓ Nama Institusi atau badan/agensi.
 - ✓ Nama tempat.
- Indeks disusun mengikut kumpulan entri nama, perkara peristiwa, konsep, dan lain-lain.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my



PENUTUP

Panduan ini diharapkan dapat membantu para pengguna, terutamanya penulis dalam mengubah suai tesis kepada buku agar dapat menghasilkan buku yang lebih baik dan berkualiti.

inovatif • entreprenurial • global www.utm.my



Terima Kasih
Soalan..???

innov8 • entrepreneurial • global www.utm.my
